

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Inche
Hussein Onn, di-Pesta Musik Expo Pen-
didekan di-Dewan Bahasa & Pustaka,
pada 11hb Ogos, 1972 jam 8.00 malam

1. Saya sebagai tuan rumah Expo Pendidikan '72, merasa bangga mengalu2kan kedatangan tuan2 dan puan2 sekalian, ka-Pesta Muzik Sekolah2 yang di-penohi dengan beberapa achara saperti nyanyian, tarian, permainan rekorder dan sebagai-nya.
2. Saya rasa sudah samesti-nya tuan2 dan puan2 pergi mengunjongi Expo di-Stadium Negara, yang mana kita telah dapat melihat beberapa kemajuan pendidikan dalam negara kita. Pada malam ini, kita dapat bersama2

menumpukan perhatian kita kepada muzik pula.

3. Dalam beberapa tahun ini, Kementerian Pelajaran menggalakkan pengajaran muzik di-sekolah2. Sa-tengah2 sekolah ada mempunyai guru2 muzik yang terlatih, dan masalah mengajar muzik tidak-lah lagi timbul, tetapi sekolah2 yang tidak ada mempunyai guru muzik, Kementerian saya telah melaksanakan satu sistem guru2 muzik, beredar semenjak 1969, yang mana kita telah dapat mengeluarkan sa-orang guru muzik mengajar di-beberapa buah sekolah. Bilangan sekolah2 rendah dan menengah yang mengikuti sistem baru ini telah

meningkat dari 8 buah sekolah dalam tahun 1969, kepada 133 buah sekolah dalam tahun 1972, dan guru2 muzik juga telah bertambah bilangannya daripada dua orang guru dalam tahun 1969 menjadi 35 orang dalam tahun 1972.

4. Satu Jabatan Khas untok muzik telah ditubuhkan di-Maktab Perguruan Ilmu Khas Cheras dalam tahun yang lalu. Dengan adanya Jabatan Muzik, kita dapat melateh dan mengeluarkan sa-ramai 22 orang guru muzik khas pada tiap2 tahun. Saya faham bilangan ini tentu tidak menchukopi untok memajukan pelajaran

muzik di-seluruh Malaysia, tetapi oleh kerana muzik ini ia-lah satu mata pelajaran yang melibatkan teknik, kepandaian dan perasaan sa-saorang, maka guru muzik mustahak mempelajari dengan sapenoh-nya.

5. Pada malam ini, tuan2 dan puan2 akan menyaksikan hasil kerja guru2 ini dan akan dapat menilai kemajuan pengajaran muzik dalam sistem beredar ini. Bilangan sekolah2 yang masok pertandingan choir dan rekorder dalam Pesta Muzik tahunan makin bertambah, dan tahun ini lebeh kurang 100 buah Sekolah Menengah, tidak termasuk Sekolah2 Rendah,

telah mengambil bahagian di-Pesta Muzik di-perengkat negeri.

6.5.

Jawatan Kuasa Muzik tiap2 negeri menerima dan pengalamannya yang tidak terhitung itu. Sebagai malumat dari masa ka-semasa mengenai istilah, alat2 mengajar, lagu2 baharu daripada Jawatankuasa Muzik Kementerian. Dengan ini kedua2 pihak dapat bekerjasama untuk memaju dan meninggikan pelajaran muzik.


7.6.

Di-dalam Jawatankuasa Muzik ini ada beberapa orang yang berminat kepada muzik yang berkhidmat dengan sukarela menolong meninggikan taraf muzik di-perengkat

Kebangsaan. Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan berbanyak2 terima kaseh kepada mereka sekalian kerana memberi sumbangan tenaga dan fikiran dan pengalaman-nya yang tidak terhingga itu. Achara malam ini akan membuktikan hasil2 kerjasama kedua2 pihak ini.

8.7. Akhir-nya, saya mengucapkan tahniah kepada ahli2 Jawatan Kuasa Muzik Kementerian yang mengambil berat atas semua hal2 muzik. Achara malam ini akan menunjukkan serba sedikit hasil2 kerja yang telah dijalankan. Choir2 yang datang dari tiap2 negeri di-

Malaysia Barat, akan bertanding malam ini untuk
merebut perisai pusingan yang telah di-menangi oleh
Negeri Johor pada tahun2 lalu. Persembahan ini juga
mencherminkan kebudayaan berbilang bangsa di-Malaysia.
Saya harap para hadhirin sekalian akan berpuas hati
dan merasa gembira apakala menyaksikan-nya.





No. Siri	129
No Penerimaan	129/80